

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)27

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

27. Nyatakan langkah-langkah yang sedang dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk memperkasa golongan wanita di Pulau Pinang khususnya dalam bidang keusahawanan, kepimpinan komuniti dan pembangunan sosioekonomi.
- (a) Berapakah jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan bagi program pembangunan wanita serta mekanisme pemantauan keberkesanan program tersebut?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Bagi memperkasa golongan wanita di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan wanita khususnya dalam tiga bidang utama iaitu keusahawanan, kepimpinan, serta pembangunan sosioekonomi.

Pertama, dalam bidang keusahawanan, Kerajaan Negeri melaksanakan program Penang Women Entrepreneurs Mentoring Programme atau PenMentor, yang memberi latihan keusahawanan, bimbingan mentor, kelas pemasaran digital serta peluang rangkaian perniagaan.

Program ini dijalankan bersama NGO serta rakan strategik seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Digital Penang, yang turut menyumbang dana dan kepakaran bagi memperkukuh keberkesanan program.

Selain itu, program Wanita Jana Rezeki X JPWK memberi tumpuan kepada latihan pengurusan projek, kewangan dan pemasaran kepada wanita di peringkat akar umbi. Sebagai contoh, Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Bukit Tengah berjaya memperoleh dana sebanyak RM100,000.00 di bawah inisiatif SeJaTi MADANI bagi menubuhkan pusat komuniti The Garden, yang kini menjadi platform wanita setempat menjana pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga.

Kedua, dalam bidang kepimpinan komuniti, Kerajaan Negeri terus memperkukuh peranan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap kawasan DUN sebagai jentera pelaksana di peringkat akar umbi. Ahli JPWK dilatih untuk merancang dan melaksanakan projek komuniti, latihan kemahiran serta aktiviti kesedaran sosial yang dapat memperkasakan wanita dan keluarga setempat. Tambahan pula, beberapa JPWK telah berjaya membuktikan keupayaan mereka melaksanakan projek yang berimpak tinggi, hasil daripada latihan dan bimbingan yang diterima di bawah PWDC.

Ketiga, dalam bidang pembangunan sosioekonomi dan politik, PWDC dengan kerjasama Persatuan Komuniti Literasi Pulau Pinang (PENITI) akan menganjurkan Program Kepimpinan Wanita Elit dalam Politik (WELIT), iaitu platform latihan intensif untuk melahirkan pemimpin wanita berpotensi dalam dasar awam, komunikasi strategik dan tadbir urus baik. Program WELIT telah berjaya memperolehi dana Program Perantis Kepimpinan Wanita (PERANTIS) sebanyak RM50,000.00, di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk pembiayaan program ini.

Selain itu, program Sidang Wanita Pulau Pinang, yang kini memasuki tahun keenam, terus menjadi platform latihan kepimpinan bagi wanita memahami secara langsung proses perbahasan dan pengubalan dasar di Dewan Undangan Negeri. Menariknya, model Sidang Wanita ini turut dijadikan contoh oleh beberapa negeri lain untuk diguna pakai di peringkat masing-masing.

- (a) Bagi tahun 2025, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi program pembangunan wanita yang dilaksanakan PWDC ialah RM654,840.00 di mana RM413,440.00 merupakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, manakala selebihnya disumbangkan oleh agensi negeri serta Kerajaan Persekutuan bagi memperluas capaian dan impak program.

Dari segi pemantauan keberkesanan, PWDC menjalankan penilaian secara berterusan melalui maklum balas

peserta, laporan pelaksanaan serta hasil impak ekonomi komuniti. Maklumat yang diperolehi digunakan untuk menambah baik reka bentuk program dan memastikan setiap inisiatif benar-benar memberi manfaat kepada wanita, keluarga dan masyarakat di Pulau Pinang